

08 DEC 2002

Zainudin-Sekolah

ORANG MELAYU DISARAN PILIH SEKOLAH KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin hari ini berkata orang Melayu harus memilih sekolah kebangsaan untuk pendidikan agama anak-anak mereka bagi mencegah kelahiran generasi baru Melayu yang terasing daripada aliran perdana negara.

Beliau berkata sekolah-sekolah agama rakyat tidak memberikan asas pendidikan sosial dan agama yang sesuai dengan keperluan dan nilai masyarakat majmuk di negara ini sebaliknya memberikan pendidikan untuk pengasingan diri dan perasaan rendah diri.

"Sekolah-sekolah ini (sekolah agama rakyat) berasaskan kepada apa yang telah berlaku (disalahguna untuk politik) dan amat berpotensi untuk melahirkan golongan berfikiran pondok yang sempit dan kuno yang melihat keadaan sekeliling sebagai musuh yang harus dibenci dan ditentang.

"...akhirnya (pelajar) berasaskan sekolah ini menjadi golongan yang menentang kemajuan kerana mereka tidak dapat memahami dan membuat penyesuaian dengan situasi dan realiti masyarakat Malaysia," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Okt lepas mengumumkan keputusan kerajaan untuk tidak lagi memberikan sebarang bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat di negara ini setelah mendapati ada di antaranya telah disalahgunakan untuk politik.

Dr Mahathir turut menasihatkan umat Islam dan orang Melayu khususnya supaya memilih sekolah kebangsaan bagi memberi pendidikan agama anak-anak mereka kerana sekolah-sekolah agama sebahagiannya didapati tidak mengajar agama sebaliknya mengajar "politik membenci".

Zainuddin berkata bagi survival masa depan bangsa Melayu, semua pihak perlu berusaha melahirkan generasi yang bukan sahaja mempunyai kelayakan menjadi rakyat Malaysia yang berguna tetapi juga menjadi "warga dunia."

"Tetapi sekolah-sekolah ini (sekolah agama rakyat) bukan sahaja tidak mempunyai ciri-ciri antarabangsa sebaliknya melahirkan generasi yang tidak pun berkualiti untuk menjadi rakyat Malaysia yang berguna...sebaliknya mereka hanya layak untuk menjadi rakyat pondok.

"Kualiti ini hanya mampu untuk membangunkan Islam secara kolot dan kuno dengan taktik bengis dan ganas mengkafirkan orang dan menakut-nakutkan bukan sahaja orang bukan Islam tetapi juga orang Islam sendiri," katanya.

Menurutnya golongan ini, walaupun memiliki kelayakan yang tinggi, tetapi tidak mempunyai keterbukaan minda dan tidak tahu membuat perancangan dan strategi pembinaan Islam secara bermoral dan secara moden.

"Yang mereka tahu ialah jalan kekerasan memaki hamun dan sebagainya. Golongan ini terdapat di kalangan anggota Parlimen Malaysia dari parti pembangkang," katanya.

Zainudin berkata kerajaan tidak seharusnya merasa tergugat bila segala dasarnya untuk mengembangkan Islam secara betul dianggap sebagai sekular.

"Itu adalah pandangan yang bersifat politik prejudis yang tidak seharusnya dilayan.

"Kalau dilayan, kita tidak akan menang sampai bila-bila kecuali kita mengambil sikap menganggap golongan ini sebagai tidak lagi relevan dalam masyarakat pelbagai kaum dan dalam kemaraan globalisasi," katanya.

-- BERNAMA

RV RV NAK